

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[TUARAN]**

**TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan agar kesemua 17 perkara daripada 21 perkara yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kajian Semula Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 atau MA63 dapat dilaksanakan sepenuhnya dan supaya kesemua perakuan MA63 ditunaikan.

**JAWAPAN: YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh dan Salam Sejahtera....

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan kini dalam proses akhir dan sedang memuktamadkan cadangan struktur dan komposisi Majlis Khas untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Keputusan untuk penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 terdahulu. Dijangka perkara berkenaan penubuhan Majlis Khas ini serta hala tuju baharu semakan pelaksanaan MA63 akan dibawa ke Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Berhubung dengan status semasa pelaksanaan 17 daripada 21 perkara yang telah dibentang dalam JKKK MA63, secara umumnya, agensi-agensi yang bertanggungjawab dijangka memerlukan tempoh sekitar 1-2 tahun untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut. Manakala baki 4 perkara yang belum selesai seperti **Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum, Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]** akan diteruskan perbincangan selanjutnya dalam Majlis Khas yang bakal ditubuhkan kelak.

3. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibayar oleh Petronas kepada setiap negeri sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi Kerajaan Persekutuan sejak 2008 dan berikan pecahan mengikut tahun. Adakah peletakan jawatan Presiden/CEO Petronas ada kaitan dengan bayaran ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah bayaran tunai hasil petroleum yang dibayar kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan dari tahun 2008 hingga 2019 berjumlah hampir RM59.8 bilion.
2. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) membuat bayaran tunai hasil petroleum sebanyak 5% secara terus kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing. Bagi Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu pula, PETRONAS menyalurkan bayaran kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang seterusnya membuat bayaran kepada kedua-dua negeri tersebut.

**NO SOALAN : 28**

3. Pecahan bayaran oleh PETRONAS sejak 2008 hingga 2019 bagi Negeri Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kelantan adalah seperti jadual di bawah:

<b>Tahun</b>	<b>Sarawak</b>	<b>Sabah</b>	<b>Terengganu</b>	<b>Kelantan</b>
<b>2008</b>	2,273,908,197.00	953,063,443.00	2,994,850,160.00	0.00
<b>2009</b>	1,534,335,792.00	695,430,281.00	1,858,671,488.00	25,592,321.00
<b>2010</b>	1,794,257,089.00	813,117,173.00	1,899,176,478.00	16,561,833.00
<b>2011</b>	2,462,149,232.00	879,443,359.00	2,176,793,969.00	22,651,194.00
<b>2012</b>	2,516,185,701.00	978,059,751.00	2,472,573,539.00	77,747,430.00
<b>2013</b>	2,647,783,705.00	982,779,820.00	2,281,473,533.00	54,035,879.00
<b>2014</b>	2,627,878,272.00	964,256,921.00	2,063,262,839.00	47,555,858.00
<b>2015</b>	1,851,661,931.00	862,619,974.00	1,209,619,459.00	40,657,263.00
<b>2016</b>	1,354,544,054.00	980,320,869.12	1,086,397,903.00	30,975,023.00
<b>2017</b>	1,664,918,116.00	1,466,391,607.00	1,245,948,045.00	24,672,483.00
<b>2018</b>	1,943,099,794.00	1,725,319,233.28	1,463,717,104.96	30,470,926.00
<b>2019</b>	1,871,225,760.00	1,483,123,351.23	1,291,815,791.92	32,325,624.00
<b>Jumlah</b>	<b>24,541,947,643.00</b>	<b>12,783,925,782.64</b>	<b>22,044,300,309.88</b>	<b>403,245,834.00</b>

\* Jumlah bayaran tunai keseluruhan : **RM59,773,419,569.52**

**Jadual 1: Pecahan bayaran tunai petroleum ke Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kelantan (2008-2019)**

4. Suka saya maklumkan bahawa PETRONAS juga telah membayar dividen kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM282 bilion dari tahun 2010 hingga 2019. Pecahan maklumat bayaran dividen dan tunai petroleum oleh PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	Dividen (RM bil)	Bayaran tunai petroleum (RM bil)	Harga minyak mentah (AS\$ setong)	Keuntungan lepas cukai PETRONAS (Profit after tax)
2010	30.0	4.9	79.6	
2011	30.0	5.1	111.3	
2012	28.0	6.4	111.6	59.5*
2013	27.0	6.2	108.6	65.6*
2014	29.0	6.5	99.0	47.6*
2015	26.0	5.1	52.3	20.8
2016	16.0	3.7	43.6	23.8
2017	16.0	4.4	54.1	45.5
2018	26.0	5.2	71.3	55.3
2019	54.0**	5.7	64.2	40.5
<b>Jumlah</b>	<b>282.0</b>	<b>53.3</b>		

(\*) PETRONAS Annual report 2014

(\*\*) Termasuk dividen khas RM30 bil

**Jadual 2: Pecahan bayaran dividen, bayaran tunai petroleum ke Kerajaan Persekutuan (2010-2019)**

5. Untuk makluman Ahli Berhormat, bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS Tan Sri Wan Zulkiflee telah mengambil keputusan untuk bersara setelah 37 tahun berkhidmat bersama PETRONAS. Pelantikan beliau sebagai Pengerusi MAS merupakan pengiktirafan Kerajaan di atas pengalaman beliau yang luas dan mendalam serta kejayaan beliau mengemudi PETRONAS di dalam suasana yang sangat mencabar. Tindakan ini juga merupakan salah satu usaha Kerajaan bagi mengkaji semula pucuk kepimpinan syarikat-syarikat milik Kerajaan.

6. Mengikut Akta Kemajuan Petroleum 1974 yang digubal Parlimen Malaysia pada Ogos 1974, seksyen 2(1) menyatakan seluruh pemunyaan mengenai petroleum, dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif untuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai Malaysia hendaklah diletakhakkan pada Perbadanan (iaitu PETRONAS) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau di bawah undang-undang yang berhubungan. Manakala, seksyen 3(2) menyatakan bahawa Perbadanan itu (iaitu PETRONAS) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Perdana Menteri dan Perdana Menteri boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

7. Pentadbiran serta tadbir urus PETRONAS dikemudi oleh barisan kepimpinan eksekutif kanan yang diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Di samping itu, ahli lembaga pengarah PETRONAS yang diketuai oleh Pengerusi PETRONAS, dilantik dari kalangan pegawai kanan kerajaan serta tokoh korporat yang mempunyai latar belakang dan pengalaman yang luas. Komitmen serta peranan ahli lembaga pengarah adalah untuk memimpin, mengawasi dan memastikan urustadbir PETRONAS sentiasa telus dan berada pada tahap integriti yang tertinggi. Di samping itu, ahli lembaga pengarah PETRONAS juga berfungsi dalam memastikan setiap keputusan diambil di peringkat tertinggi adalah selari dengan arah tuju dan keperluan korporat, serta pengendalian perniagaan dan operasi PETRONAS adalah mapan dan mematuhi perundangan sedia ada.

8. Suka saya maklumkan bahawa peletakan jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PETRONAS baru-baru ini tiada kaitan kerana bayaran-bayaran berkenaan.

Sekian, terima kasih.